



## SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG

### KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal tempatan yang berkelayakan dan berpengalaman serta berdaftar dengan Kementerian Kewangan dalam bidang berkaitan dan masih dibenarkan membuat tawaran bagi bekalan/perkhidmatan atau kerja seperti berikut.

NO. DAN TAJUK SEBUT HARGA	KOD BIDANG PENDAFTARAN	TARIKH/TEMPAT DIBEKALKAN DOKUMEN	TARIKH TUTUP
<b>SEBUT HARGA BIL.13/2020: PEMBEKALAN PAKAIAN KORPORAT &amp; UNIFORM SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG TAHUN 2021</b>	020801/ 020899/ 222401	<b>14 Oktober 2020/</b> Laman Web SPPP <a href="http://www.penangport.gov.my">http://www.penangport.gov.my</a>	<b>28 Oktober 2020</b> Jam 12:00 tengahari

#### **PERHATIAN**

1. Sila lengkapkan borang tawaran ([Borang A](#), [Borang B](#) dan [Borang C](#)). Borang-borang serta dokumen sokongan hendaklah dihantar ke pejabat Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang di alamat seperti berikut:-

Pengurus Besar  
Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang  
Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal  
No. 1A Pesara King Edward  
10300 George Town, Pulau Pinang  
(u.p. Urusetia Sebut Harga)

2. Kehadiran sesi taklimat adalah wajib kepada semua yang menghantar tawaran sebut harga. Sesi Taklimat akan diadakan seperti berikut: -

Tarikh	:	19 Oktober 2020
Masa	:	10.00 pagi
Tempat	:	Bilik Weld Quay B Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Aras 2, Swettenham Pier Cruise Terminal No. 1A, Pesara King Edward 10300 George Town, Pulau Pinang
Pegawai yang dihubungi	:	Puan Lim Ben Ching (04-263 3211)

3. Sila rujuk kepada **Senarai Semak** sebelum menghantar semua dokumen sebut harga.

4. Dokumen sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat bertutup dan bertanda SEBUT HARGA BIL.13/2020: PEMBEKALAN PAKAIAN KORPORAT & UNIFORM SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG TAHUN 2021.
5. Dokumen sebut harga hendaklah dihantarkan di alamat seperti dinyatakan di atas sebelum atau pada **28 Oktober 2020, jam 12:00 tengah hari (TARIKH TUTUP SEBUT HARGA)**. Tawaran yang diterima selepas tarikh dan masa sebut harga ditutup akan ditolak.
6. Tempoh sahlaku sebut harga hendaklah 90 hari selepas tarikh tutup.
7. Pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang tidak terikat untuk menerima mana-mana tawaran yang terendah.

**Tarikh Iklan/Notis : 14 Oktober 2020**

## **SPESIFIKASI UMUM**

### **1. Tujuan**

Tujuan spesifikasi ini adalah untuk memberi penerangan kepada Penyebutharga mengenai Sebutharga bagi Pembekalan Pakaian Korporat & Uniform Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang Tahun 2021.

### **2. Skop Perkhidmatan**

Membekal dan menjahit siap pakaian korporat & uniform bagi pegawai/kakitangan di Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang (SPPP).

### **3. Definasi Kerja**

#### **3.1 Membekal**

Membekal pakaian korporat & uniform siap dijahit bagi pegawai/kakitangan di SPPP.

#### **3.2 Menjahit**

Menyediakan perkhidmatan jahitan bagi pakaian korporat & uniform siap untuk diagihkan kepada pegawai/kakitangan di SPPP.

### **4. Penyebutharga hendaklah memastikan bekalan dan perkhidmatan pakaian korporat & uniform adalah sempurna dan menepati aras perkhidmatan yang ditetapkan. Bekalan dan perkhidmatan penyebutharga akan ditolak sekiranya aras perkhidmatan yang dijanjikan tidak dicapai.**

**JADUAL PEMATUHAN SPESIFIKASI TEKNIKAL**  
**SEBUT HARGA PEMBEKALAN PAKAIAN KORPORAT & UNIFORM**  
**SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG TAHUN 2021**

1. Jadual ini adalah wajib diisi dengan lengkap, jelas, terang dan ditemui/ditulis dengan kemas.
2. Segala maklumat yang terdapat di dalam jadual ini akan dianggap sebagai spesifikasi yang akan ditawarkan oleh Penyebutharga.
3. Segala maklumat yang tercatat di dalam jadual ini akan digunakan untuk tujuan penilaian teknikal.
4. Mana-mana bahagian di dalam jadual ini yang tidak diisi, tidak jelas, maklumat tidak mencukupi atau berlaku ketidakseragaman maklumat, maka dokumen ini dianggap tidak lengkap dan iaanya tidak akan dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Teknikal.

**PAKAIAN KORPORAT**

Bil.	Jantina	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Keseluruhan (pasang)	Spesifikasi Pakaian Jenis Baju/Seluar/Kain	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	Lelaki	41 orang	74 pasang	Baju korporat lengan pendek beserta huruf sulaman ‘PPC’ dan nama singkatan pegawai <b>DAN</b> Seluar panjang	W		
2.	Perempuan	32 orang	63 pasang	Baju korporat lengan panjang beserta huruf sulaman ‘PPC’ dan nama singkatan pegawai <b>DAN</b> Seluar/kain panjang	W		
<b>JUMLAH</b>		73 orang	137 pasang				

### **EKSEKUTIF JAKET**

Bil.	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Keseluruhan (helai)	Spesifikasi Eksekutif Jaket	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	60 orang	60 helai	Jaket lengan panjang beserta huruf sulaman ‘PPC’ dan nama singkatan pegawai, Jenis Kain – <i>Hi Twist</i> berwarna <i>beige</i>	W		

**Nota:**

1. Spesifikasi pakaian korporat adalah seperti berikut:

**a) Lelaki**

- Baju : Baju korporat lengan pendek beserta huruf sulaman ‘PPC’ dan nama singkatan pegawai Kain berwarna *light grey* dan *grey*, kain jenis *royal soft* atau setara dengan kain baju korporat SPPP Tahun 2020
- Seluar : Seluar panjang warna hitam, kain jenis tetrox rayon

**b) Perempuan**

- Baju : Baju korporat lengan panjang beserta huruf sulaman ‘PPC’ dan nama singkatan pegawai Kain berwarna *light grey* dan *grey*, kain jenis *royal soft* atau setara dengan kain baju korporat SPPP Tahun 2020
- Seluar/Kain : Seluar/kain panjang warna hitam, kain jenis tetrox rayon

2. Jenis kain hendaklah dari jenis yang bermutu dan berkualiti sejajar dengan hasil pakaian korporat yang disediakan.

**BUSH JACKET PEMANDU**

Bil.	Jantina	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Keseluruhan (pasang)	Spesifikasi <i>Bush Jacket</i> Pemandu	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	Lelaki	4 orang	4 pasang	<i>Bush Jacket</i> lengan pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Twist</i> berwarna hitam	W		
	JUMLAH	4 orang	4 pasang				

**UNIFORM**

<b>PAKAIAN SERAGAM KERJA PEGAWAI POLIS BANTUAN BERPANGKAT SARJAN MEJAR DAN KE ATAS</b>								
Bil.	Jantina	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Pasang Seorang	Jumlah Keseluruhan (pasang)	Spesifikasi Pakaian Seragam/Jenis Baju/Seluar/Kain	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	Lelaki	2 orang	1 pasang	2 pasang	<i>Bush Jacket</i> lengan pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	W		

PAKAIAN SERAGAM KERJA PEGAWAI POLIS BANTUAN BERPANGKAT SARJAN KE BAWAH								
Bil.	Jantina	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Pasang Seorang	Jumlah Keseluruhan (pasang)	Spesifikasi Pakaian Seragam/Jenis Baju/Seluar/Kain	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	Lelaki	1 orang	1 pasang	1 pasang	Pakaian Seragam Kerja <b>Tuck In</b> Lengan Pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	W		
2.	Lelaki	3 orang	2 pasang	6 pasang	Pakaian Seragam Kerja <b>Tuck In</b> Lengan Pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	W		
3.	Perempuan	1 orang	2 pasang	2 pasang	Pakaian Seragam Kerja <b>Bush Jacket</b> Lengan Panjang dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	W		

PAKAIAN SERAGAM KEBOMBAAN								
Bil.	Jantina	Bilangan Pegawai/ Kakitangan	Jumlah Pasang Seorang	Jumlah Keseluruhan (pasang)	Spesifikasi Pakaian Seragam/Jenis Baju/Seluar/Kain	Taraf Perkara (W-Wajib; U-Umum)	Pematuhan (Ya/Tidak)	Maklumbalas Penyebutharga
1.	Lelaki	2 orang	1 pasang	2 pasang	<b>Baju Operasi</b> Lengan Pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Ripstop fabrics</i> berwarna biru	W		

### JADUAL PEMATUHAN HARGA

#### **SEBUT HARGA PEMBEKALAN PAKAIAN KORPORAT & UNIFORM SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG TAHUN 2021**

Bil.	Perkhidmatan	Kuantiti	Harga Jualan	
			Sepasang/ Sehelai (RM)	Jumlah (RM)
1.	Membekal dan menjahit pakaian korporat siap pegawai/kakitangan SPPP	137 pasang		
2.	Membekal dan menjahit eksekutif jaket siap pegawai/kakitangan SPPP	60 helai		
3.	Membekal dan menjahit <i>bush jacket</i> pemandu siap pegawai/kakitangan SPPP	4 pasang		
4.	Membekal dan menjahit <b><i>Bush Jacket</i></b> lengan pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	2 pasang (Lelaki)		
5.	Membekal dan menjahit <b><i>Bush Jacket</i></b> lengan panjang dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	2 pasang (Perempuan)		
6.	Membekal dan menjahit Pakaian Seragam Kerja <b><i>Tuck In</i></b> Lengan Pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Hi Sofy</i> berwarna biru gelap ( <i>dark blue</i> )	7 pasang (Lelaki)		
7.	Membekal dan menjahit <b>Baju Operasi</b> Lengan Pendek dan Seluar Panjang, Jenis Kain – <i>Ripstop fabrics</i> berwarna biru	2 pasang (Lelaki)		
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>				

**REKOD PENGALAMAN**  
**(Senarai semua rekod pengalaman dalam 3 tahun lepas)**

BIL	TAJUK PEMBEKALAN	NAMA PELANGGAN	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH PEMBEKALAN
	Contoh: Pembekalan Pakaian Seragam	Syarikat ABZ Sdn Bhd	30,000.00	1 Mac - 25 Mac 2017

**Nota:**

1. Borang ini hendaklah diisi sepenuhnya dan disertakan bersama tawaran sebutharga.
2. SPPP adalah tidak terikat untuk membuat pesanan ke atas semua item atau kuantiti yang ditawarkan.
3. Penyebutharga hendaklah memasukkan harga bagi setiap item yang dinyatakan di dalam lampiran ini.
4. Jika ada butiran yang dikehendaki dalam Spesifikasi dan Skop Perkhidmatan tidak termasuk di dalam Jadual Pematuhan ini, harga butiran tersebut hendaklah disifatkan telah dimasukkan ke dalam salah satu butiran dalam Jadual Pematuhan Harga.

Jumlah Ringgit Malaysia

.....  
.....

- i. \*No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan .....
- ii. Harga yang ditawarkan adalah harga bersih; dan
- iii. Membuat pembekalan dalam tempoh masa tiga (3) bulan Boleh./Tidak Boleh

Saya/Kami dengan ini menawarkan untuk membekalkan barang-barang/perkhidmatan seperti tersebut di atas dengan harga yang telah disertakan. Saya/kami akan mematuhi Syarat-syarat Am yang ditetapkan bagi pelawaan ini.

Tanda tangan penyebut harga .....

Tarikh : ..... Nama : .....

Nombor Kad Pengenalan : .....

Alamat Syarikat : .....

No. Tel. : .....

Cop Syarikat : .....

\*No. Pendaftaran dengan Kementerian Kewangan perlu dinyatakan dengan mengikut Kod Bidang Pendaftaran yang telah dicatitkan di muka surat hadapan sebut harga ini. Sila sertakan sesalinan sijil pendaftaran dengan Kementerian Kewangan semasa penyerahan sebut harga tersebut.

**Mustahak - Lihat Syarat-syarat Am**

## **SYARAT-SYARAT AM**

Tertakluk kepada apa-apa syarat khas yang ditetapkan di tempat lain dalam pelawaan ini, syarat-syarat am yang berikut hendaklah dipakai, melainkan setakat mana syarat-syarat am itu ditolak atau diubah dengan khususnya oleh penyebut harga.

- 1. KEADAAN BARANG**  
Semua barang hendaklah tulin, baru dan belum digunakan.
- 2. HARGA**  
Harga yang ditawarkan hendaklah harga bersih termasuk semua diskaun dan kos tambahan yang berkaitan.
- 3. SEBUT HARGA SEBAHAGIAN**  
Sebut harga boleh ditawarkan bagi semua bilangan item atau sebahagian bilangan item.
- 4. BARANG-BARANG SETARA**  
Sebut harga boleh ditawarkan bagi barang-barang setara yang sesuai dengan syarat butir-butir penuh diberi.
- 5. PENYETUJUAN**
  - (i) SPPP tidak terikat untuk menyetujuterima sebut harga yang terendah atau mana-mana sebut harga. SPPP berhak untuk menerima keseluruhan atau sebahagian tawaran daripada mana-mana penyebut harga. Penyebut harga juga boleh menawarkan harga untuk keseluruhan atau sebahagian item.
  - (ii) Tiap-tiap satu butiran akan ditimbangkan sebagai suatu sebut harga yang berasingan.
- 6. PEMERIKSAAN**
  - (i) SPPP adalah sentiasa berhak menghendaki barang-barang itu diperiksa atau diuji oleh seseorang pegawai yang dilantik olehnya dalam masa pembuatan atau pada bila-bila masa lain sebelum penyerahan.
  - (ii) Penyebut harga hendaklah memberi kemudahan pemeriksaan atau pengujian apabila dikehendaki.
- 7. PERAKUAN MENYATAKAN PENENTUAN TELAH DIPATUHI**  

Barang-barang  
Perkhidmatan

Penyebut harga dikehendaki memperakui bahawa                          yang dibekalkan oleh mereka adalah mengikut penentuan atau piawai (jika ada) yang dinyatakan di dalam pelawaan ini.

8. **PENOLAKAN**
- (i) Barang-barang yang rendah mutunya atau yang berlainan daripada barang-barang yang telah dipersetujui sebut harganya boleh ditolak.
  - (ii) Apabila diminta penyebut harga hendaklah menyebabkan barang-barang yang ditolak itu dipindahkan atas tanggungan dan perbelanjaannya sendiri, dan ia hendaklah membayar balik kepada SPPP segala perbelanjaan yang telah dilakukan mengenai barang-barang yang ditolak itu.
  - (iii) Fasal-kecil (i) dan (ii) di atas ini tidaklah memudaratkan apa-apa hak SPPP untuk mendapatkan gantirugi kerana kemungkiran kontrak.
9. **PENGIKLANAN**
- Tiada apa-apa iklan mengenai persetujuan terhadap mana-mana sebutharga boleh disiarkan dalam mana-mana akhbar, majalah atau lain-lain saluran iklan tanpa kelulusan SPPP terlebih dahulu.
10. **TAFSIRAN**
- Sebut harga ini dan apa-apa kontrak yang timbul daripadanya hendaklah diertikan mengikut dan dikawal oleh undang-undang Malaysia, dan penyebutharga bersetuju tertakluk hanya kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia sahaja dalam apa-apa pertikaian atau perselisihan jua pun yang mungkin timbul mengenai sebutharga ini atau apa-apa kontrak yang timbul daripadanya.
11. **INSURAN**
- Tiada apa-apa insuran atas barang-barang dalam perjalanan daripada negeri pembekal atau dalam Malaysia dikehendaki dimasukkan ke dalam sebutharga.
12. **CUKAI**
- Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk cukai jika berkenaan.
13. **PEMBUNGKUSAN**
- (i) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
  - (ii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau yang cacat, hendaklah diganti oleh penjual.
14. **PENGENALAN**
- Nama pembuat, jenama, nombor perniagaan atau nombor katalog dan negeri tempat asal barang-barang itu, jika berkenaan, hendaklah ditunjukkan.

**15. PENALTI LEWAT PENGHANTARAN**

Penalti akan dikenakan terhadap pembekal sekiranya tidak dapat membuat penghantaran dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Kadar penalti adalah seperti berikut:

$\frac{18\%}{365} \times \text{jumlah nilai kontrak} \times \text{bilangan hari yang lewat bekal}$

**BARANG-BARANG DIPESAN DARI LUAR MALAYSIA**

**16. CUKAI**

Harga tawaran hendaklah diertikan sebagai termasuk semua cukai, unsur-unsur cukai adalah dikehendaki ditunjukkan berasingan.

**17. MATAWANG**

Sebut harga hendaklah dinyatakan dalam Ringgit Malaysia (RM).

**18. PEMBUNGKUSAN**

- (i) Barang-barang hendaklah dibungkus dengan sesuai untuk dieksport ke Malaysia melainkan jika mengikut norma perdagangan barang-barang itu dieksport dengan tidak dibungkus.
- (ii) Harga yang ditawarkan adalah diertikan sebagai termasuk belanja bungkusan dan belanja pembungkusan.
- (iii) Apa-apa kerugian atau kerosakan akibat bungkusan atau pembungkusan yang tidak mencukupi atau cacat hendaklah diganti oleh penyebut harga.

**SURAT AKUAN PEMBIDA  
Bagi**

**SEBUT HARGA BIL. 13/2020: PEMBEKALAN PAKAIAN KORPORAT & UNIFORM  
SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG TAHUN 2021**

Saya, ..... nombor kad pengenalan ..... yang  
mewakili ..... nombor Pendaftaran .....

..... dengan ini mengisyiharkan bahawa saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini tidak akan menawar atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain, sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas. Bersama-sama ini dilampirkan Surat Perwakilan Kuasa bagi saya mewakili syarikat seperti tercatat di atas untuk membuat pengisyiharan ini.

2. Sekiranya saya atau mana-mana individu yang mewakili syarikat ini didapati bersalah menawarkan atau memberi rasuah kepada mana-mana individu dalam Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang atau mana-mana individu lain sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* di atas, maka saya sebagai wakil syarikat bersetuju tindakan-tindakan berikut diambil:

- 2.1 penarikan balik tawaran kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; atau
- 2.2 penamatan kontrak bagi tender/sebut harga\* di atas; dan
- 2.3 lain-lain tindakan tatatertib mengikut peraturan perolehan Kerajaan.

3. Sekiranya terdapat mana-mana individu cuba meminta rasuah daripada saya atau mana-mana individu yang berkaitan dengan syarikat ini sebagai sogokan untuk dipilih dalam tender/sebut harga\* seperti di atas, maka saya berjanji akan dengan segera melaporkan perbuatan tersebut kepada pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) atau balai polis yang berhampiran.

Yang Benar,

Tanda tangan : .....

Nama : .....

No. Kad Pengenalan : .....

Cop Syarikat :

Catatan: \* Potong mana yang tidak berkenaan.

**Borang C**

**SENARAI SEMAK (BEKALAN/PERKHIDMATAN)**

Sila Tandaka

Bagi Dokumen-dokumen Yang Disertakan

Bil	Perkara/Dokumen	Untuk Ditanda Oleh Syarikat	Untuk Ditanda Oleh Urusetia Sebut Harga
1.	*Salinan Sijil Akuan Pendaftaran Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
2.	Salinan Sijil Akuan Bumiputera Dari Kementerian Kewangan (Bekalan/Perkhidmatan) (Jika ada)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
3.	*Borang Sebut Harga Telah Diisi Dengan Lengkap (Termasuk nilai tawaran dan tempoh siap) Dan Ditandatangani	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
4.	*Maklumat Penyebut Harga (Profil Syarikat)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
5.	*Penyerahan Sampel Kain Yang Ditawarkan Dan Sehelai Baju Yang Telah Siap Dijahit	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
6.	*Rekod Pengalaman Kerja Yang Lepas	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
7.	*Salinan Penyata Bulanan Akaun Bank bagi Tiga (3) Bulan Terakhir (Julai 2020, Ogos 2020 & September 2020)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
8.	*Surat Akuan Pembida (SPRM)	<input type="checkbox"/>	<input type="checkbox"/>
<b>PENGESAHAN OLEH SYARIKAT</b> Dengan ini saya mengesahkan bahawa saya telah membaca dan memahami semua syarat-syarat dan terma yang dinyatakan di dalam dokumen sebut harga. Semua maklumat yang dikemukakan adalah benar.  Tanda tangan : ..... Nama : ..... Jawatan : ..... Tarikh : .....		<b>UNTUK KEGUNAAN SURUHANJAYA PELABUHAN PULAU PINANG</b> Urusetia Sebut Harga mengesahkan penerimaan dokumen bertanda kecuali bagi perkara bil. .....(jika ada)  Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	
		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	
		Tanda tangan: Nama : ..... Tarikh : .....	

**Nota: Dokumen yang bertanda \* adalah wajib disertakan dan dipatuhi semasa penghantaran dokumen sebut harga. Dokumen sebut harga yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.**

## **KLAUSA PENCEGAHAN RASUAH DALAM DOKUMEN PEROLEHAN KERAJAAN**

“Termination on Corruption, Unlawful or Illegal Activities

- (a) Without prejudice to any other rights of the Government, if the [Company/Firm], its personnel, servants or employees is convicted by a court of law for corruption or unlawful or illegal activities in relation to this [Agreement/Contract] or any other agreement that the [Company/Firm] may have with the Government, the Government shall be entitled to terminate this [Agreement/Contract] at any time, by giving immediate written notice to that effect to the [Company/Firm].
- (b) Upon such termination, the Government shall be entitled to all losses, costs, damages and expenses (including any incidental costs and expenses) incurred by the Government arising from such termination.
- (c) For the avoidance of doubt, the Parties hereby agree that the [Company/Firm] shall not be entitled to any form of losses including loss of profit, damages, claims or whatsoever upon termination of this [Agreement/Contract].”